

# Majlis Perasmian

*Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama,*






# Parlimen Ke-12

29 April 2008









# imbasan

# Taklimat

## Ahli Dewan Rakyat di Bankuet Parlimen Malaysia 3 April 2008



# PERLANTIKAN YDP DEWAN RAKYAT

28 April 2008



## TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

**SAYA**, Pandikar Amin Haji Mulia, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindung serta mempertahankan Perlembagaannya.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. di atas limpah dan kurniaNya saya diberi pengiktirafan yang tinggi seperti pada hari ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana melantik saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat Parlimen Malaysia. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas usul beliau yang mencadangkan saya dilantik menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya merasa begitu bertuah kerana diberi peluang bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk cuba merealisasikan demokrasi berparlimen di negara kita yang bermula sejak daripada tahun 1955 yang mana benih-

beninya mungkin telah disemai lama sebelum itu lagi.

Saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat memberi kerjasama yang baik seperti mana yang telah diberikan kepada Yang Berhormat Tan Sri Ramli Ngah Talib sebelum ini agar kita dapat bersama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dengan adil dan saksama.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua di atas pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia. Saya berjanji akan cuba menunaikan tugas-tugas saya dengan saksama seperti mana ikrar yang telah saya lafazkan tadi.

Sekian, terima kasih.



# PEMASYHURAN

## TUAN YANG di-PERTUA DEWAN RAKYAT

Isnin, 5 Mei 2008

### KEKECOHAN BERPUNCA DARIPADA PERATURAN MESYUARAT YANG TIDAK PENTING

**AHLI-**ahli Yang Berhormat, pada persidangan hari Rabu yang lalu kita telah banyak menghabiskan masa mesyuarat atas kekecohan yang berpunca daripada gelagat beberapa ahli yang telah membangkitkan *point of order* atau masalah peraturan mesyuarat, yang pada pendapat saya sesuatu perkara yang tidak begitu penting. Ia tidak begitu penting sebab seandainya *point of order* yang telah dibangkitkan itu berasas, persidangan kita pada hari itu, iaitu hari Rabu dan pada hari Isnin dan hari Selasa tetap juga terjamin kesahihannya di bawah Peraturan Tetap 99A.

Untuk menjimatkan masa, saya tidak akan melayani perkara *point of order* yang akan ditimbulkan sebelum sesi soal jawab selesai kecuali *point of order* yang dibangkitkan itu benar-benar bertujuan untuk membantu saya sebagai Pengurus Mesyuarat untuk kelincinan perjalanan mesyuarat dan bukan sebaliknya, iaitu sengaja ditimbulkan untuk mengganggu kelincinan perjalanan mesyuarat.

Contoh *point of order* yang betul tetapi mengganggu kelincinan mesyuarat ialah pada persidangan hari Rabu lalu, Yang Berhormat Bandar Kuching berkeras supaya Peraturan Mesyuarat 23(1)(r) dikuatkuasakan sebab soalan nombor 2 dari Yang Berhormat Kinabatangan, kononnya melanggar Peraturan 23(1) (r) oleh sebab soalan tersebut melebihi daripada 40 perkataan.

Pejabat Tuan Yang di-Pertua sengaja memasukkan soal itu walaupun melebihi 40 perkataan kerana kepentingan rakyat. Lagipun, soalan berikutnya iaitu soalan nombor 3 daripada Yang Berhormat Permatang

Pauh, iaitu Ketua Pembangkang sendiri juga melebihi 40 perkataan. Kalau saya tidak membenarkan soalan nombor 2 atas sebab melanggar Peraturan Mesyuarat 23(1)(r) seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, maka saya juga terpaksa tolak soalan nombor 3. Setelah mengambil kira kepentingan rakyat dan kepentingan Dewan yang mulia ini, maka saya menerima kedua-dua soalan tersebut dan mengetepikan soal teknikal di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(r).



Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nampak dari gelagat semua, rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Itu adalah semestinya. Akan tetapi, pegangan ini tidak bermakna sama sekali sekiranya di samping berpegang kepada prinsip peraturan mesyuarat, tetapi

pada masa yang sama Ahli-ahli Yang Berhormat juga mencabuli prinsip-prinsip peraturan-peraturan itu.

Ingat, sesiapa yang mahu kesaksamaan, hendaklah menonjolkan sikap yang saksama. Atas sebab itu, seseorang Ahli Yang Berhormat yang melanggar peraturan mesyuarat atau tidak menghormati peraturan mesyuarat, tidak boleh menggunakan peraturan mesyuarat sebagai perlindungan.

Antara lain, prinsip kesaksamaan ialah, "He who seeks equity, must do equity". "Sesiapa yang mencari kesaksamaan, mesti bersikap saksama". "Equity must be used as a shield and not as a sword". "Kesaksamaan mesti digunakan sebagai *taming* dan bukannya sebagai pedang". "He who comes to equity must come with clean hand". "Sesiapa yang bertandang ke pintu kesaksamaan, mesti datang dengan tangan yang bersih". Sekian.





majlis  
angkat  
sumpah